

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 FEBRUARI 2020
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6

TH bakal umum hibah sedikit masa lagi, kata Mujahid

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji (TH) akan mengumumkan agihan hibah bagi tahun kewangan 2019 tidak lama lagi, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof.

Bagaimanapun, beliau enggan memperinciakan tarikh pengumuman tersebut dan memaklumkan ia akan diumumkan sedikit masa lagi ketika ditanya pada sidang media di sini sempena lawatan rasmi Setiausaha Agung Komanwel, Patricia Scotland ke Malaysia yang berakhir semalam.

Pada Disember 2019, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Nik Mohd Hasyudeen Yusoff dilaporkan berkata, pihaknya menjangkakan pembayaran hibah lebih tinggi bagi tahun kewangan 2019 berbanding pengagihan hibah terendah dalam sejarah TH bagi tahun kewangan 2018.

Menurut Nik Mohd Hasyudeen, keyakinan itu berdasarkan prestasi TH yang berada di landasan yang betul selepas mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM500 juta pada suku ketiga 2019, manakala keuntungan untuk tempoh sembilan bulan tahun lalu pula adalah sebanyak RM1.3 bilion.

Dari segi pendapatan, TH merekodkan pendapatan sebanyak RM900 juta pada suku sama dan meningkatkan pendapatan untuk sembilan bulan bagi 2019 kepada RM2.1 bilion.